

**TEKS UCAPAN PERASMIAN Y.BHG NAIB CANSOLOR
SEMPENA PENGANJURAN SEMINAR UNIFIED
COMMUNICATION (UC) DAN MALAYSIAN RESEARCH
EDUCATION NETWORK (MYREN), BERTEMPAT DI
AUDITORIUM, CANSELORI, 9 APRIL 2010, 9.00 PAGI**

1

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Hussain,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis,
Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat & Komunikasi
(iDEC), Universiti Putra Malaysia

2

Y.Bhg. Cik Liana Jacinta
Pengarah Program Infostruktur MYREN,
Multimedia Development Corporation

Y.Bhg. En. Danny Fong
Pengarah Enterprise & Sektor Awam,
Cisco Malaysia Sdn.Bhd.

Y.Bhg. En. Muzaffar Ariff Abd Karim
Pengurus Pembangunan Perniagaan,
Cisco Malaysia Sdn.Bhd.

Yang Berusaha En. Mohd Isa Bin Mohd Dom
Pengarah, Pusat Komputer

3

selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Seminar

Pegawai - Pegawai Kanan Universiti,
Para Pensyarah, Penyelidik, mahasiswa dan mahasiswi
Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam “1Malaysia”

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan
kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wata'alla kerana
dengan limpah kurnia dan hidayahNya dapat kita

4

berhimpun dan bertemu dalam Majlis Seminar Unified Communication dan MyREN, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Di pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan “Selamat Datang” ke UTeM dan Negeri Melaka khususnya kepada para tetamu jemputan kita pada hari ini. Terima kasih atas kesudian menerima undangan ke UTeM. Semoga apa yang dihasratkan hari ini membawa kepada jalinan

5

kerjasama yang positif, iaitu **ke arah meningkatkan kefahaman warga UTeM** berhubung **aplikasi teknologi terkini yang menjadi medium komunikasi serantau.**

Saya pasti ramai di antara ahli akademik dan pakar IT yang hadir hari ini menunjukkan minat untuk mengetahui serta mendalami apa yang akan disampaikan oleh pihak MyREN dan CISCO.

6

Taklimat yang akan disampaikan pada program ini amat berguna. Kepada para pensyarah dan para penyelidik, ambillah peluang ini untuk mengetahui secukupnya maklumat berhubung program, kaedah dan faedah yang diperoleh melalui program ini.

7

OBJEKTIF & FAEDAH PROGRAM

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Program Seminar Unified Communication dan MyREN yang dianjurkan hari ini perlu dilihat **sebagai dimensi baru hubungan di antara Universiti dan rakan industri** terutama ke arah mewujudkan satu platform **komunikasi dari pelbagai medium.**

8

Selain itu, penganjuran seminar sebegini juga menyumbang kepada aspek kepantasan memperoleh informasi serta perolehan maklumat yang lebih telus, cepat dan dapat dimanfaatkan oleh warga kampus.

Usaha ini diharapkan membantu kepada mempertingkatkan kualiti dan kaedah penyelidikan masing-masing. Saya yakin melalui program sebegini, para penyelidik mempunyai saluran khas sebagai medium perantaraan dalam **melebar luaskan**

9

sumbangan penyelidikan mereka tanpa perlu merantau jauh dan terhadap kepada kengkangan masa.

Dengan adanya taklimat oleh Cisco Malaysia, diharapkan akan dapat memberi sedikit sebanyak **pendedahan berhubung perkhidmatan rangkaian** serta akses Internet yang berguna untuk dipertimbangkan kewajaran penggunaannya.

10

Sebagai contoh, kewujudan rangkaian khas yang berfungsi membantu penyelidik melaksanakan aplikasi memproses data yang banyak (data intensive application) serta perkongsian perkakasan komputer berprestasi tinggi sama ada di Malaysia mahu pun di peringkat global.

Malah fasa berikutnya iaitu program MyREN 2 di mana perkhidmatan perhubungan diperluaskan melalui kerjasama konsortium penyelidikan antarabangsa di

11

Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Utara. Dengan adanya kerjasama sebegini, kita seharusnya telah mempersiapkan para akademik dan penyelidik UTeM, agar mereka mudah berperanan secara aktif, mampu berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan penyelidik luar negara melalui rangkaian visual sama ada teknologi sidang video, pemindahan data elektronik dan kemudahan berkomputer yang lebih baik.

12

EVOLUSI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Hadirin sekalian,

Selain itu, Universiti juga mengharapkan agar suasana pembelajaran dan pengajaran di fakulti sentiasa dipertingkatkan kualitinya. Sebagai sebuah Universiti berteraskan Teknikal, kita harus melengkapkan diri dengan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih efisien, terkini dan sofistikated.

13

Hal ini dapat kita lihat melalui “alat bantu pengajaran” yang digunakan. Kita berharap melalui program ini, pengajaran dan pembelajaran akan dipelbagaikan, tidak sahaja menggunakan kaedah kuliah dan tutorial sahaja, sebaliknya akses pelajar untuk menimba ilmu, boleh bermula melalui pembelajaran secara maya. Ia sejajar dengan “*trend*” semasa dan semakin banyak institusi pendidikan mula mempraktikkannya di seluruh dunia.

14

Trend semasa juga memperlihatkan semakin banyak Universiti menawarkan program-program Pengajian Jarak Jauh berasaskan “*Lecture on Demand*” yang mana dalam kaedah ini, penggunaan video untuk tujuan pengajaran yang bukan sahaja dapat dihadiri oleh pelajar secara atas talian.

Interaksi tanpa sempadan ini berlaku di antara tenaga pengajar dan penuntut yang kemudiannya di rekod dan

15

diarkibkan agar boleh dimuat turun untuk digunakan sebagai rujukan.

Sebagai contoh, kita merujuk kepada European Institute of Tele-Surgery di Strasbourg yang telah menggunakan teknologi Digital Video Transfer System untuk menghantar video lintas langsung berkualiti tinggi bagi kelas pembedahan secara interaktif dari bilik pembedahan ke sebuah kelas di lokasi yang berasingan secara atas talian.

16

Selain itu, dengan adanya teknologi yang lebih canggih ini, perbincangan, forum dan mesyuarat akan dapat dilakukan secara atas talian dengan menggunakan teknologi seperti TelePresence yang dibangunkan oleh Cisco.

Adalah menjadi tanggungjawab dan komitmen kita sebagai pendidik untuk sama-sama membangunkan aspek penggunaan teknologi ini sebagai suatu dimensi

17

yang akan memartabatkan aspek pengajaran mahu pun penyelidikan di UTeM. Dengan adanya pembangunan Sistem UriS, Memorandum Persefahaman dan kerjasama, saya percaya UTeM akan mempunyai kelebihan-kelebihan yang dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik, penyelidik dan para pelajar.

Akhir kata, saya merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis, Cik Liana Jacinta, Mr. Danny dan En. Muzaffar Ariff Abd Karim di

18

atas sokongan dan komitmen untuk menjayakan program ini.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada Pengarah Pusat Komputer serta Jawatankuasa Pelaksana Program atas usaha merealisasikan program ini. Semoga segala usaha dan tanggungjawab yang telah disempurnakan akan memperoleh memberikan ganjaran dan diberkati.

19

Dengan lafaz “Bismillahirrahmannirrahim”, saya dengan ini merasmikan Seminar Unified Communication dan MyREN Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2010. Sekian, Terima Kasih.

20